



## Pusat Penebusan Serta-Merta

13 Jun - 5 Julai 2015

Jumaat & Sabtu / Sabtu & Ahad

(10 pagi - 10 malam)

**2 hari sahaja!**

### Syarat & Peraturan Penebusan Segera

#### Penganjur, Kelayakan & Tempoh:

1. PROGRAM PENEBUSAN BEG MILO BUDDY ["Program"] ini dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] ["pihak Penganjur"].
2. Penebusan Segera ini adalah promosi ganjaran kesetiaan dan dibuka kepada semua penduduk Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas pada 27/04/2015 dan mempunyai dokumen pengenalan yang sah [setiap seorang dan secara kolektif "Peserta"]. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
3. Penebusan Segera akan diadakan pada Jumaat dan Sabtu / Sabtu dan Ahad iaitu 13/06/2015 dan 05/07/2015 ["Tempoh Penebusan Segera"]. Penganjur berhak untuk menggantung dan/atau menangguhkan Tempoh Penebusan dan/atau membatalkan/menamatkan Penebusan dan/atau menukar, meminda, menggugurkan dan/atau menambah Syarat & Peraturan Penebusan pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu.

#### Cara Penebusan Segera:

1. Penganjur akan menubuhkan Pusat Penebusan Segera ["PPS"] di lokasi terpilih iaitu pasar raya hiper dan pasar raya di Semenanjung Malaysia sahaja untuk Peserta menebus Beg MILO Buddy ["Beg"] mereka dengan segera. Sila rujuk Jadual PPS yang ditunjukkan di laman web Penganjur: [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) untuk memastikan tarikh Penebusan Segera dan lokasi-lokasi PPS.
2. Penganjur akan menetapkan dan memaparkan jumlah Beg yang boleh didapati untuk Penebusan setiap hari di setiap PPS dan Penebusan Segera adalah sementara stok Beg masih ada SAHAJA.
3. Sila rujuk Borang Penebusan Segera ["Borang"] untuk senarai produk MILO yang turut serta dan pembungkusan produk yang dikehendaki. Bukti pembelian ["BP"] dan mata ["Mata"] untuk menebus Beg di PPS adalah seperti di bawah:  
[a]Pembungkusan penuh produk MILO yang turut serta dan bersamaan Mata secukupnya seperti yang ditunjukkan pada Borang. Mata yang terkumpul sepanjang Tempoh Penebusan tidak boleh ditukar kepada orang lain dan tidak boleh ditukar dengan tunai secara sebahagian atau sepenuhnya. Mata berlebihan yang dikemukakan tidak akan dikembalikan.  
[b]Beli produk MILO yang turut serta dan bersamaan Mata secukupnya dari lokasi PPS pada hari yang sama. Lampirkan resit pembelian dari lokasi PPS dengan Mata secukupnya pada Borang dan untuk pengesahan pembelian tunjukkan produk MILO yang dibeli kepada petugas PPS di kaunter PPS semasa penebusan segera. Resit pembelian di lokasi PPS yang dikemukakan tidak akan dikembalikan.
4. Peserta MESTI mengisi Borang dengan butir-butir lengkap yang diperlukan dan MESTI disertakan dengan BP yang dikehendaki dan bersamaan Mata secukupnya. Borang yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca, tidak tepat, dengan BP/Mata tidak betul dan/atau cacat/rosak akan dibatalkan.
5. Setiap Peserta boleh menebus maksimum empat [4] Beg dalam satu [1] Borang SAHAJA. Peserta yang mengemukakan banyak Borang tidak akan dilayan.
6. Semua Peserta mesti memastikan Beg yang ditebus adalah dalam keadaan baik semasa membuat penebusan segera. Semua Beg yang ditebus di PPS tidak akan digantikan setelah Penebusan disempurnakan.
7. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau membekalkan Beg dan terma dan syarat yang dikenakan untuk Beg, jika ada.
8. Penganjur berhak atas budi bicara mutlak untuk menggantikan mana-mana Beg yang ditunjukkan dalam Borang dengan beg lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua Beg ditebus dalam "keadaan sedia ada" dan tidak boleh ditukar dengan kredit, barangan lain atau baucar secara sebahagian atau sepenuhnya.

#### Liabiliti & Tanggungjawab:

1. Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk mengambil bahagian Penebusan Segera dan menebus Beg adalah tanggungjawab Peserta sepenuhnya.
2. Peserta hendaklah bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan [termasuk kehilangan nyawa] akibat mengambil bahagian dalam Penebusan Segera, menuntut dan/atau menggunakan Beg dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur daripada sebarang liabiliti.

#### Hak Penganjur :

1. Dengan turut serta, semua Peserta bersetuju dan memperakui bahawa semua hak milik intelektual padanya menjadi milik Penganjur dan setiap Peserta membenarkan Penganjur mengumpul, menggunakan, memproses dan/atau mendedahkan mana-mana dan semua maklumat peribadi Peserta termasuk tanpa terhad kepada nama, gambar atau imej Peserta untuk tujuan Penebusan Segera, termasuk aktiviti pengiklanan, publisiti, pemasaran dan promosi yang dijalankan dengan cara yang dian gap sesuai oleh Penganjur, dalam mana-mana media dan tanpa pampasan, pemberitahuan atau kebenaran tambahan, dan sebarang aktiviti sampingan lain yang berkaitan dengan Penebusan Segera. Peserta tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan lain untuk bahan tersebut.

#### Perlindungan Data :

1. Dengan menyertai Penebusan ini, Peserta memberi kebenaran kepada Penganjur serta syarikat bersekutu dan/atau berkaitannya untuk menggunakan nama, gambar atau imejnya bagi tujuan pengiklanan dan publisiti pada masa hadapan berhubung dengan Penebusan dalam mana-mana dan semua media tanpa pampasan, pemberitahuan atau kebenaran tambahan.
2. Dengan menyertai Penebusan, Penganjur bersetuju untuk mengumpul dan/atau menggunakannya hanya di Halaman Peminat Penganjur dan Laman Web Penganjur dan untuk melindunginya sebagaimana yang ditetapkan di bawah. Bahagian ini juga menggariskan hak Peserta berkaitan dengan perlindungan data, dan cara untuk Peserta menghubungi Penganjur.
3. Pada masa tertentu, Penganjur boleh melantik pihak ketiga untuk memproses butir-butir peribadi Peserta. Semua pihak ketiga tersebut mempunyai kewajiban di bawah kontrak untuk tidak menggunakan data peribadi Peserta. Semua pihak ketiga diwajibkan di bawah kontrak untuk tidak menggunakan data peribadi Peserta dengan sebarang cara lain kecuali yang ditetapkan di dalam ini.
4. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:  
[a]hak untuk menarik balik persetujuan anda terhadap penggunaan butiran peribadi anda dengan menghubungi Penganjur di [pdpa@omnitem.com.my](mailto:pdpa@omnitem.com.my) dan memberikan nama dan alamat e-mel Peserta supaya Penganjur boleh mengeluarkan butiran berkenaan.  
[b]hak untuk mendapatkan salinan data peribadi mengenai Peserta yang dipegang oleh Penganjur [pihak Penganjur berhak untuk mengenakan sedikit yuran untuk menunaikan hak ini].  
[c]hak untuk membetulkan data peribadi tidak tepat mengenai anda yang dipegang oleh Penganjur.
5. Jika Peserta mahu membangkitkan sebarang isu perlindungan data dengan Penganjur, atau melaksanakan sebarang hak di bawah undang-undang, sila hubungi Penganjur di [pdpa@omnitem.com.my](mailto:pdpa@omnitem.com.my).
6. Penganjur mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk memastikan data peribadi Peserta terlindung, dan menetapkan syarat kepada pemproses data pihak ketiga untuk berbuat demikian. Perhatian bahawa Penganjur boleh memberikan data peribadi Peserta jika perlu berbuat demikian di bawah undang-undang, menerusi waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
7. Untuk meneliti Notis Privasi sepenuhnya, anda boleh ke laman [http://nestle.com.my/info/privacy\\_policy/privacy\\_bm](http://nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm) (untuk versi Bahasa Malaysia) dan [http://nestle.com.my/info/privacy\\_policy](http://nestle.com.my/info/privacy_policy) (untuk versi Bahasa Inggeris).

#### Terma & Syarats:

1. Gambar Beg yang ditunjukkan dalam Borang adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada barangan sebenar.
2. Syarat dan Peraturan Penebusan Segera disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya terdapat perkara yang tidak konsisten antara mana-mana versi Syarat dan Peraturan Penebusan Segera, versi Bahasa Inggeris yang dipaparkan di laman web Penganjur hendaklah diguna pakai.
3. Syarat dan Peraturan Penebusan Segera dan kaedah penyertaan Penebusan boleh dipinda dari masa ke masa dan akan diguna pakai berbanding sebarang peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi atau pengiklanan lain bagi Penebusan Segera. Peserta amat dinasihatkan supaya melayari laman web Penganjur dari masa ke masa untuk memastikan mereka menyedari sebarang perkembangan dan perubahan yang dibuat.
4. Keputusan pengadil adalah muktamad dan tiada surat-menyurat akan dilayan selepas itu.
5. Dengan menyertai Penebusan Segera ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada Syarat dan Peraturan Penebusan Segera, serta keputusan Penganjur.